

# PM: Umno perlu pemimpin amanah

BM 10 NOV 1985

Oleh BUSTAMAM AHMAD

PORT DICKSON, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pemimpin Umno di pelbagai peringkat meninggikan lagi mutu kepemimpinan mereka dalam usaha mengekalkan kedudukan parti sebagai teras pemerintahan negara.

Perdana Menteri, merangkap Presiden Umno, menegaskan "pemimpin ada di mana-mana sahaja dan rakyat boleh melantik sesiapa sahaja menjadi pemimpin" tetapi adalah sukar mencari seseorang yang tinggi mutu kepemimpinannya.

Sehubungan ini, beliau menjelaskan seseorang pemimpin hendaklah sentiasa mengamalkan nilai-nilai mulia seperti amanah bagi memastikan ia mendapat kepercayaan orang yang dipimpinnya.

Ketika merasmikan majlis Gerakerja yang dihadiri oleh kira-kira 500 ahli dan pemimpin Wanita Umno Malaysia dari seluruh negara di

Pusat Membina Semangat Pasir Panjang dekat sini hari ini, Perdana Menteri berkata:

"Pemimpin yang hanya menjaga kepentingan sendiri tidak akan selamat. Ia bukan hanya merosakkan dirinya sendiri tetapi rakyat akan menolak parti yang diwakilinya."

## Timbul

Datuk Seri Dr Mahathir menambah ada beberapa negara yang kini didapati mundur setelah merdeka kerana mutu kepemimpinan pemimpinnya rendah dan tidak mendapat kepercayaan rakyat.

Menurut Perdana Menteri, persoalan yang selalu timbul, terutama dalam Umno, ialah mengenai kesanggupan ahli-ahli parti mengamalkan nilai-nilai mulia dalam usaha membantaras berlakunya sebarang amalan curang seperti penggunaan wang untuk merebut jawatan-jawatan di pelbagai peringkat.